

Malaysia tetap hantar pulang pelarian Vietnam

UM 1 - MAR 1991

KUALA LUMPUR 28 Feb. — Malaysia akan tetap meneruskan dasar menghantar pulang pelarian Vietnam walaupun Amerika Syarikat mungkin memberikan semula bantuan ketenteraan berjumlah \$3 juta kepada negara ini.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, Malaysia akan menghantar pulang pelarian yang masuk tanpa kebenaran sebagaimana amalan yang biasa dibuat di Amerika.

"Kita tidak sanggup terima pelarian Vietnam dan kalau mereka datang ke sini, kita akan buat amalan yang biasa dibuat

di Amerika iaitu sesiapa yang datang ke Amerika tanpa kebenaran akan dihantar keluar.

"Jadi, kita berpendapat, jika Amerika boleh berbuat demikian, kita pun berhak berbuat demikian," jelasnya selepas upacara pelancaran Majlis Perdagangan Malaysia (MDM) di Hotel KL Hilton di sini hari ini.

Perdana Menteri menegaskan demikian bagi mengulas keputusan pentadbiran Bush yang akan meminta Kongres Amerika supaya memberikan semula bantuan ketenteraan kepada Malaysia bagi tahun fiskal 1992 (mulai 1 Oktober ini).

Bantuan di bawah Program

Pendidikan Ketenteraan dan Latihan Antarabangsa (IMET) itu telah ditarik balik tahun lalu kerana Malaysia dikatakan tidak mahu menerima 'orang hanyut' baru dari Vietnam yang disifatkan oleh Malaysia sebagai 'pelarian ekonomi'.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, terpujanglah kepada Kerajaan Amerika untuk menilai sama ada ia telah membuat kesilapan semasa menarik balik bantuan ketenteraan itu dulu.

"Yang itu terpujanglah kepada mereka untuk buat tafsiran, tetapi bagi kita, dasar kita, kita teruskan," ujarnya.

Perdana Menteri menjelaskan: "Kita tahu orang-orang Haiti tidak boleh mendarat di Amerika, demikian juga orang-orang Mexico tidak boleh menyeberangi Rio Grande."

Di Washington, Bernama melaporkan bahawa Jabatan Negara Amerika Syarikat semalam menjelaskan bahawa permintaannya kepada Kongres bagi bantuan ketenteraan sebanyak AS\$1.1 juta (kira-kira M\$3 juta) kepada Malaysia adalah dengan syarat negara itu mengubah dasarnya mengenai suka pertama bagi orang hanyut Vietnam.

"Kami masih bimbang bahawa dasar Malaysia kini terus tidak mahu menerima orang hanyut. Masih terdapat laporan mengenai orang hanyut dihalau keluar," kata jurucakap Jabatan Negara di sini.

Katanya: "Kami tidak akan dapat memperuntukkan bantuan itu kecuali Malaysia mengubah dasarnya itu, selaras dengan Rancangan Bertindak Menyeluruh."

Tahun lepas, Kongres mengundi memotong bantuan ketenteraan kepada Malaysia selepas Senator Mark Hatfield dari Oregon mengadu kepada Kongres mengenai dasar Malaysia itu.